

26 April 2012

NEGARA

**Wanita terlepas hukuman mati**

PUTRAJAYA – Seorang wanita Thailand terlepas daripada hukuman gantung selepas Mahkamah Persekutuan semalam membenarkan rayuannya untuk mengetepikan sabitan serta hukuman mati kerana mengedara 865.8 gram kanabis, sembilan tahun lepas.

Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Richard Malanjum yang mengetuai panel lima anggota bagaimanapun menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun terhadap Rosmawati Che Ngah selepas memutuskan pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadapnya kerana memiliki dadah itu.

Wanita berusia 34 tahun dari Sungai Golok, selatan Thailand, hanya perlu menghabiskan hukuman penjara lapan bulan lagi berikutan hukuman tersebut berkuat kuasa dari tarikh tangkapan pada 31 Januari 2003.

Dalam penghakimannya, Hakim Malanjum berkata, mahkamah mendapati sabitan mengedara dadah terhadap wanita itu tidak selamat ekoran wujud keraguan berhubung pengetahuan tertuduh mengenai dadah itu yang semata-mata berdasarkan kelakuannya.

Beliau juga berkata, malang bagi kes pendakwaan apabila pihak pendakwaan gagal menawarkan Dak Sak Che Moh, seorang warga Thailand kepada pihak pembelaan sebagai saksi.



ROSMAWATI semasa dijatuhi hukuman gantung atas tuduhan mengedara dadah di Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Kelantan pada Ogos 2009.